Pendakwa Raya lwn Chen Hao Han

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–02 TAHUN 2003 DAN 45–03 TAHUN 2003
ZAINAL AZMAN PK
14 SEPTEMBER 2009

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 307 — Menyebabkan kecederaan — Melepaskan tembakan dengan senjata api — s 3 Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 — Sama ada elemen penting pertuduhan berjaya diasaskan — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan

Pada 7 Januari 2003 lebih kurang jam 10.30 petang, SP11 telah mengetuai suatu pasukan polis naik ke rumah tertuduh di Unit 12, Blok 1, Tingkat 14, Sri Lata Kondo Desa Petaling Kuala Lumpur dan telah mematikan suis elektrik unit rumah tertuduh. Pada ketika tersebut tertuduh dan anaknya iaitu SP15 berada di dalam rumah. SP11 telah meminta agar pintu dibuka dan tertuduh dilihat seolah-olah memanggil seseorang di dalam rumah untuk mengambil kunci. Selepas 2–3 minit, SP11 dan pasukan telah memecah pintu gril dan apabila masuk 2–3 kaki ke dalam rumah tertuduh, SP11 telah mendengar bunyi tembakan sebanyak tiga das. Selepas itu, telah berlaku tembak menembak di antara tertuduh dengan SP11 dan pasukan polis. Menurut SP15, tertuduh telah memanjat turun ke unit bawah iaitu di Unit 12, Tingkat 13 di mana pada masa kejadian SP3 dan anaknya berada di unit tersebut. Pasukan polis telah memecah pintu hadapan rumah tersebut dengan menggunakan *short gun rifle* dengan menembak ke arah pengikat ('ensel') pintu tersebut. Pihak polis telah melemparkan bom asap bertujuan untuk menakutkan tertuduh dan SP6 bersama-sama dengan Koperal Mohd Munif bin Mahmud telah masuk ke dalam unit rumah tersebut yang di dalam keadaan gelap. Kedua mereka menggunakan lampu suluh yang ada di muncung senjata. Mereka memasuki ruang tamu terlebih dahulu kemudiannya ke ruang dapur sebelum memasuki sebuah bilik. Di setiap kawasan tersebut tiada sesiapa pun yang berada. Sebaik SP6 keluar dari bilik yang terakhir tertuduh telah melepaskan beberapa das tembakan ke arahnya. Semasa tembakan dilepaskan, SP6 nampak percikan api dari bilik di mana tertuduh menembaknya. SP6 terkena dua kesan tembakan dan dia telah dibawa ke HUKM dan dirawat oleh SP10. Sementara itu, SP8 telah masuk ke dalam unit bawah tersebut untuk memujuk tertuduh menyerah diri dengan menggunakan bahasa Cina loghat Kantonis. Selepas beberapa lama memujuk tertuduh akhirnya menyerah diri. Sebelum menyerah diri kepada polis, tertuduh telah melemparkan tiga pistol satu persatu ke ruang tamu. SP9 kemudiannya telah membuat pemeriksaan ke atas ketiga-tiga pistol dan

telah merampas beberapa beg yang mengandungi peluru-peluru hidup yang kesemuanya telah dikemukakan sebagai barang kes. Pegawai penyiasat kes ini iaitu SP14, telah mengambil gambar-gambar barang kes serta kesan-kesan tembakan di kedua-dua unit. Barang-barang kes iaitu pistol-pistol tersebut (P29A, P31A dan P32A) telah diserahkan oleh SP14 kepada ahli kimia iaitu SP4 yang telah menjalankan ujian-ujian perlu termasuk ujian tembak bagi mengesahkan pistol-pistol tersebut adalah boleh digunakan. Di samping itu, SP14 turut mengambil kelongsong-kelongsong tertembak yang ditemui di tempat kejadian yang turut diserahkan kepada SP4. Peluru-peluru hidup yang dirampas dari tertuduh turut dikemukakan kepada pakar senjata api iaitu SP12. Tertuduh dihadapkan ke mahkamah dengan dua pertuduhan di bawah s 307 Kanun Keseksaan dan di bawah s 3 Akta Senjata (Penalti ebih Berat) 1971. Daripada keterangan pihak pendakwaan, mahkamah telah memutuskan bahawa wujud satu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kedua-dua pertuduhan dan tertuduh dipanggil membela diri. Di dalam pembelaan, tertuduh mengakui pada malam kejadian dia berada di tingkat 14, Kondo Sri Lata yang mana ianya adalah kondo kepunyaan kawannya, Phuah Kim Seng dan Tan Chin Heng. Tertuduh menyatakan bekalan letrik tiba-tiba terputus dan ia mendengar ketukan di pintu hadapan kondo tersebut. Seterusnya, tertuduh menyatakan ia terdengar beberapa das tembakan dan tertuduh membuat keputusan untuk melarikan diri ke tingkat 13 kondo dengan memanjat keluar daripada tingkap bersama SP15. Semasa berada di dalam bilik rumah tersebut, tertuduh terdengar bunyi letupan dan nampak asap. Tertuduh mendengar suara seorang Cina yang memintanya menyerah diri. Tertuduh menafikan senjata api yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai senjata api kepunyaannya. Tertuduh juga menafikan ia ada melepaskan tembakan pada malam kejadian.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada kedua-dua pertuduhan:

(1) Keterangan tertuduh adalah berasas dan konsisten. Tertuduh menafikan ia ada melepaskan tembakan ke arah pasukan polis pada malam kejadian dan tiada mana-mana saksi pendakwaan nampak akan kejadian tembak menembak kerana keadaan bilik yang gelap. Juga pihak pendakwaan telah gagal memeriksa terdapat kesan *gun shot residue* pada pakaian tertuduh dan kesan-kesan *gun shot residue* yang diambil daripada tangan tertuduh adalah negatif. Jika tertuduh benar-benar telah melepaskan tembakan daripada tiga pucuk senjata api pada malam kejadian, maka tentulah terdapat kesan-kesan *gunshot residue* pada pakaian dan tangan tertuduh. Oleh kerana ketiadaan *gun shot residue* pada pakaian atau tangan tertuduh, maka intipati pertuduhan pertama dan kedua iaitu melepaskan tembakan adalah diragui dan disangkal (lihat perenggan 39–40).

(2) Juga, SP4 menyatakan ujian ke atas P42, iaitu peluru yang dikatakan dikeluarkan daripada punggung SP6 tidak punya kesan-kesan halus yang mencukupi untuk dibuat perbandingan. Oleh itu, tiada apa-apa keterangan yang boleh mengaitkan peluru P42 kepada senjata api P29A, P31A dan P32A yang dikatakan dirampas daripada tertuduh pada malam kejadian (lihat perenggan 41).

(3) SP14 dalam keterangannya juga menyatakan telah merampas tiga pucuk senjata api daripada tertuduh, iaitu P29A, P31A dan P32A. Namun begitu, nombor siri P29A berlainan daripada catitan di D78 dan SP14 hanya mengesahkan pistol melalui sampul suratnya sahaja (lihat perenggan 42).

[English summary

On 7 January 2003, at approximately 10.30pm, SP11 led a team of police party to the accused's house at Unit 12, Block 1, 14th Floor, Sri Lata Kondo Desa Petaling Kuala Lumpur and had switched off the electricity in the accused's house. At the material time, the accused and his son ie SP15 were in the house. SP11 requested for the door to be opened and the accused seemed to be calling someone in the house to get the keys. After 2-3 minutes, SP11 and his team broke the grille and when they entered 2-3 feet into the accused's house, SP11 heard three shots discharged. Thereafter, there was an exchange of shootings between the accused and SP11 and the police team. According to SP15, the accused climbed down to the unit below ie unit 12, 13th floor where at the time of the incident SP3 and his son were in the unit. The police team broke open the front door of the house. SP6 together with Corporal Mohd Munif bin Mahmud entered and searched the house. Shortly thereafter the accused discharged a few shots and SP6 was hit by two shots. Meanwhile, SP8 entered into the unit below to persuade the accused to surrender himself by speaking in Cantonese, a Chinese dialect. A while after the persuasion, the accused finally surrendered. Before surrendering himself to the police, the accused threw three pistols one by one onto the hall. SP9 thereafter inspected the three pistols and confiscated a few bags containing live ammunitions which were all produced as case exhibits. SP14, the investigating officer of this case, had taken photographs of the case exhibits and the shooting marks at both units. The case exhibits ie the pistols (P29A, P31A and P32A) were given by SP14 to the chemist ie SP4 who had conducted the necessary tests including test fire to confirm that the pistols were serviceable. Apart from that, SP14 also took the discharged ammunitions which were found at the scene of the incident which were also handed to SP4. The live ammunitions which were confiscated from the accused were also produced to the armourer, SP12. The accused was produced in court with two charges under s 307 of the Penal Code and s 3 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971. From the prosecution's evidence, the court decided that there was a prima facie case against the

A accused for both charges and the accused was called to enter his defence. The accused denied that the firearm which was produced by the prosecution belonged to him. The accused had also denied that he had discharged any shots on the night of the incident.

B **Held**, acquitting and discharging the accused of the two charges:

(1) The testimony of the accused was well founded and consistent. The accused denied that he had discharged the shots towards the police team on the night of the incident and none of the prosecution witness had C seen the shooting as the room was dark. Also, the prosecution had failed to inspect the gun shot residue on the clothes of the accused and the gun shot residues which was taken from the accused's hand was in the negative. If the accused had indeed discharged the shots from the three firearms on the night of the incident, then there would be gunshot D residues on the clothes and hands of the accused. As there were no gun shot residues on the clothes and the hands of the accused, the essence of the first and second charges ie discharging shots were doubted and denied (see paras 39–40).

E (2) Also, SP4 stated that the test in P42, ie the ammunitions which were said to have been taken out of SP6's bottom had insufficient fine marks for a comparison to be made. Therefore, no justifications to link the P42 ammunitions with the P29A, P31A and P32A pistols which were confiscated from the accused on the night of the incident (see para 41).

F (3) SP14 in his evidence had also stated that he had confiscated three firearms from the accused, ie P29A, P31A and P32A. However, the serial number on P29A was different from the entry in D78 and SP14 merely verified the pistol via its envelope (see para 42).]

G **Nota-nota**

Untuk kes mengenai s 307 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1587.

H **Kes-kes yang dirujuk**

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Krishna v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65, MR (dirujuk)

I *PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215, MT (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)

Sam Hong Choy v PP [1999] 4 MLJ 433; [2000] 1 CLJ 105, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 s 3
Kanun Keseksaan s 307
Kanun Prosedur Jenayah s 180(1)

Mohd Abazafree (Geethran Ram Vincen bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
CH Loh (Sreekant Pillai bersamanya) (Lim Sreekant & Co) bagi pihak pembelaan.

Zainal Azman PK:

PENGENALAN

[1] OKT, Chen Hao Han telah dihadapkan ke mahkamah ini dengan dua pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan pertama (45–02 Tahun 2003)

> Bahawa kamu pada 7 Januari 2003 jam lebih kurang 1145 malam di Blok 1, Tingkat 13, Unit No 12, Kondo Sri Lata, Desa Petaling, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah melepaskan tembakan terhadap Inspektor Mohd Suzrin bin Mohd Rodhi, dan dalam keadaan yang sedemikian, bahawa jika dengan perbuatan itu kamu menyebabkan kematian Inspektor Mohd Suzrin bin Mohd Rodhi, oleh itu kamu boleh didapati salah kerana membunuh dan oleh kerana itu, kamu telah menyebabkan kecederaan terhadap Inspektor Mohd Suzrin bin Mohd Rodhi, dengan perbuatan tersebut maka kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 307 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua (45–03 Tahun 2003)

> Bahawa kamu pada 7 Januari 2003 jam lebih kurang 1145 malam di Blok 1, Tingkat 13, Unit No 12, Kondo Sri Lata, Desa Petaling, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, pada masa melakukan kesalahan berjadual iaitu menghalang tangkapan ke atas kamu, telah melepaskan tembakan dengan senjatapi, dengan niat untuk menyebabkan kematian pegawai polis Inspektor Mohd Suzrin bin Mohd Rodhi, maka kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 3 Akta Senjatapi (Hukuman Lebih Berat) 1971.

[2] OKT telah tidak mengaku salah dan meminta kes dibicarakan. Seramai 15 orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan mereka.

KES PENDAKWAAN

[3] Pada 7 Januari 2003 lebih kurang jam 10.30 petang, SP11 semasa

membuat siasatan awal kepada kes yang dilaporkan telah mengetuai suatu pasukan polis ke bahagian hadapan Sri Lata Kondo di Jalan 5/125, Desa Petaling Kuala Lumpur dan menjumpai sebuah kereta Proton Waja bernombor WAJA 90. Berdasarkan siasatan, telah mendapat maklumat bahawa tuan punya kereta tersebut tinggal di unit 12, blok 1, tingkat 14, kondo tersebut ('rumah tertuduh').

[4] SP11 telah mengetuai pasukan tersebut untuk naik ke rumah tertuduh dan telah mematikan suis elektrik unit rumah tertuduh tersebut. Selepas menunggu hampir setengah jam, SP11 telah pergi ke pintu rumah tertuduh dan meminta agar pintu dibuka. Pada ketika tersebut tertuduh dan anaknya iaitu SP15 berada di dalam rumah. SP15 telah membuka pintu kayu rumah tersebut dan SP11 telah memperkenalkan diri sebagai polis. SP11 telah mengarahkan SP15 untuk membuka pintu gril namun memandangkan SP15 tidak mempunyai kunci, beliau telah memaklumkan kepada tertuduh.

[5] Tertuduh telah pergi ke bahagian pintu dan SP11 sekali lagi memperkenalkan diri dan tertuduh dilihat seolah-olah memanggil seseorang di dalam rumah untuk mengambil kunci. Namun menurut SP15 tertuduh telah menjadi panik dan menurut SP15, tertuduh berlari sekitaran dalaman rumah tersebut.

[6] Selepas 2–3 minit, SP11 dan pasukan telah memecah pintu gril tersebut dan apabila masuk 2–3 kaki ke dalam rumah tertuduh, SP11 telah mendengar bunyi tembakan sebanyak tiga das. SP11 tidak pasti dari arah mana dan tidak juga pasti ia daripada tembakan siapa. SP11 dan pasukan telah keluar dari rumah tertuduh tersebut dan mencari perlindungan. Selepas itu, telah berlaku tembak menembak di antara tertuduh yang berada di dalam rumahnya dengan SP11 dan pasukan polis yang berada di luar rumah mencari perlindungan.

[7] Menurut SP11, beliau boleh nampak dan mengecam tertuduh telah melakukan tembakan tersebut. Semasa tembakan tersebut, SP11 telah menghubungi IPK iaitu menghubungi ketua unitnya dan DSP Nur Azizan Anan iaitu Timbalan Turus D9 ('SP9'). Tembak menembak tersebut berlaku selama lebih kurang 5–10 minit. Selepas itu, SP11 dan pasukan di atas arahan SP9 telah berkawal di luar rumah tertuduh tersebut termasuk membuat kawalan di bahagian bawah kondo tersebut.

[8] Sementara itu, menurut SP15 (perlu dinyatakan bahawa SP15 tidak ingat kejadian di rumah tersebut secara terperinci), tertuduh telah pergi ke arah tingkap rumah tersebut dan cuba mengikat sehelai cadar ke kerusi dan melemparkan cadar tersebut ke bawah namun keseluruhannya jatuh ke bawah. Tertuduh kemudiannya telah memanjat turun ke unit bawah iaitu di

unit 12, tingkat 13 ('tempat kejadian') dan kemudiannya tertuduh telah menarik SP15 ke unit bawah tersebut. Mereka kemudiannya masuk ke tempat kejadian. A

[9] Di dalam unit tersebut, tertuduh telah mengetuk pintu sebuah bilik di mana SP3 dan anaknya berada di dalamnya. Tertuduh telah meminta tolong dan meminta kunci pintu rumah tersebut. Namun SP3 telah meminta tertuduh pergi. SP3 kemudiannya telah menelefon suaminya iaitu Encik Lee Kwong Tuck yang berada di sebuah *pub*. Encik Lee Kwong Tuck telah bergegas pulang dan semasa di bawah kondo tersebut beliau telah berjumpa dengan SP11 dan memaklumkan kepada SP11 bahawa tertuduh berada di dalam rumahnya dan SP3 iaitu isterinya dan anak mereka berada di dalam rumah tersebut. B C

[10] Sementara itu, SP9 telah mengumpulkan anggota pasukannya termasuk SP5 dan SP8 pergi ke kawasan kondo tersebut. Setibanya SP9 di kawasan tersebut, SP11 telah memaklumkan kedudukan tertuduh sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Encik Lee Kwong Tuck tersebut. Di dalam masa yang sama sepasukan Unit Tindakan Khas ('UTK') dari Bukit Aman yang diketuai oleh SP6 turut diarahkan oleh pegawai pemerintahnya iaitu ACP Mastor bin Mohd Ariff untuk ke tempat kejadian. Pasukan UTK tersebut yang tiba di tempat kejadian telah bertemu dengan SP9. D E

[11] Satu taklimat ringkas telah dijalankan oleh SP9 bagi menjalankan operasi menyelamatkan SP3 serta anaknya dan menangkap tertuduh dijalankan di rumah tertuduh. Di dalam taklimat tersebut, SP9 telah mengarahkan SP5 dan ASP Mazli bin Mazlan untuk turun ke unit bawah menggunakan tali dan SP5 serta ASP Mazli bin Mazlan telah turun dan masuk ke dalam bilik di mana SP3 dan anaknya berada. SP5 telah mengarahkan SP3 dan anaknya untuk mendapatkan perlindungan di dalam bilik air di dalam bilik tersebut sementara mereka terus berkawal dari dalam bilik tersebut. F G

[12] Selepas SP5 dan ASP Mazli bin Mazlan berjaya masuk ke dalam bilik di unit bawah, mereka telah menghubungi SP9 yang kemudiannya telah turun ke unit bawah. SP9 kemudiannya telah mengetuk pintu unit bawah tersebut dan memperkenalkan diri sebagai polis. Ia bertujuan untuk meminta tertuduh menyerah diri. Memandangkan tiada respons dari tertuduh, SP9 telah mengarahkan pasukannya untuk memecahkan pintu hadapan menggunakan *short gun rifle* dengan menembak ke arah pengikat ('engsel') pintu tersebut. H I

[13] Apabila pintu tersebut berjaya dibuka, SP9 telah mengarahkan SP6 bersama-sama dengan Koperal Mohd Munif bin Mahmud untuk masuk ke

dalam unit rumah tersebut. Sebelum SP6 dan Koperal Munif masuk, pihak polis telah melemparkan bom asap bertujuan untuk menakutkan tertuduh. SP6 dan Koperal Munif dengan menggunakan senjata MP5 telah masuk ke dalam rumah tertuduh dan mendapati rumah tersebut di dalam keadaan gelap dan kedua mereka menggunakan lampu suluh yang ada di muncung senjata (SP6 telah menunjukkan apa yang dimaksudkan lampu suluh tersebut di mahkamah semasa memberi keterangan di mahkamah). SP6 berada di hadapan manakala Koperal Munif mengikutinya dari belakang.

[14] Mereka memasuki ruang tamu terlebih dahulu kemudiannya ke ruang dapur sebelum memasuki sebuah bilik. Di setiap kawasan tersebut tiada sesiapa pun yang berada. Semasa berada di bilik yang terakhir SP6 dapat mendengar SP5 dan ASP Mazli bin Mazlan berada di bilik hadapan yang berkunci. SP6 telah menyuluh ke arah bilik tersebut. Setelah memastikan kedudukan SP5, SP6 kemudiannya keluar dari bilik beliau berada. Sebaik SP6 keluar, tertuduh telah melepaskan beberapa das tembakan ke arah SP6. Semasa tembakan dilepaskan, SP6 boleh nampak percikan api dari bilik di mana tertuduh menembaknya.

[15] SP6 merasakan beliau telah ditembak dan apabila diperiksa oleh Koperal Munif, terdapat dua kesan tembakan. Kedua-dua mereka kemudiannya telah berpatah balik ke pintu utama dan memaklumkan kepada SP9 yang kemudiannya telah mengarahkan SP6 dibawa ke HUKM dengan segera.

[16] Keterangan SP6 berkaitan tertuduh melepaskan tembakan mendapat sokongan daripada anak tertuduh iaitu SP15 yang menyatakan bahawa selepas mereka memasuki unit bawah tersebut dan selepas bercakap dengan SP3, kedua-dua mereka telah masuk ke dalam sebuah bilik dan semasa berada di dalam bilik tersebut, tiba-tiba terdapat asap. SP15 nampak tertuduh seperti memegang sepucuk pistol dan mendengar bunyi tembakan sebanyak beberapa kali.

[17] SP6 telah dibawa ke HUKM dan dirawat oleh SP10 berserta dengan dua lagi doktor yang bertugas di unit kecemasan. Menurut SP6, terdapat tiga kesan luka ('wound') di tubuh SP6 dan luka-luka tersebut adalah merupakan kesan luka tembakan ('gunshot wound'). Setelah SP6 distabilkan di unit kecemasan, beliau telah dihantar untuk rawatan ke wad ortopedik bagi pembedahan untuk mengeluarkan peluru. SP13 mengesahkan bahawa pada jam 9 pagi pada 8 Januari 2003 semasa beliau melawat SP6 di HUKM, beliau menerima arahan daripada SP14 untuk mengambil satu botol yang berisi peluru yang dikeluarkan dari tubuh SP6 daripada pihak HUKM.

[18] Sementara itu, selepas SP6 dibawa ke HUKM, SP9 telah cuba memujuk tertuduh untuk menyerah diri namun tiada respons. SP9 seterusnya mengarahkan SP8 untuk memujuk tertuduh menyerah diri. SP8 telah masuk ke dalam unit bawah tersebut dan dari ruang tamu telah cuba memujuk tertuduh dengan menggunakan bahasa cina loghat Kantonis. Selepas beberapa lama memujuk, SP8 terdengar suara dari dalam bilik yang meminta sedikit masa.

[19] Keterangan SP15 yang berada bersama-sama tertuduh di dalam bilik menunjukkan bahawa tertuduh telah meletakkan muncung pistol di kepalanya namun SP15 berjaya memujuk tertuduh untuk tidak membunuh diri tetapi sebaliknya menyerah diri.

[20] Tertuduh kemudiannya meminta SP8 untuk tidak mengapa-apakannya dan selepas itu tertuduh melemparkan tiga pistol satu persatu ke ruang tamu. Tertuduh kemudiannya telah keluar dari bilik tersebut dengan tangannya diletakkan di atas kepala sepertimana yang diarahkan oleh SP8 dan diikuti oleh SP15. Tertuduh kemudiannya ditangkap.

[21] SP9 kemudiannya telah membuat pemeriksaan ke atas ketiga-tiga pistol yang dilemparkan oleh tertuduh serta memeriksa badan tertuduh dan menemui beberapa beg yang mengandungi peluru-peluru yang kesemuanya telah dikemukakan sebagai barang kes. Pegawai penyiasat kes ini iaitu SP14 telah datang ke tempat kejadian serta mengambil gambar-gambar barang kes serta kesan-kesan tembakan di kedua-dua unit. Barang-barang kes terutamanya pistol-pistol tersebut telah dibawa balik oleh SP14.

[22] Barang-barang kes iaitu pistol-pistol tersebut (P29A, P31A dan P32A) telah diserahkan kepada ahli kimia iaitu SP4 yang telah menjalankan ujian-ujian perlu termasuk ujian tembak bagi mengesahkan pistol-pistol tersebut adalah boleh digunakan. Di samping itu, SP14 turut mengambil kelongsong-kelongsong tertembak yang ditemui di tempat kejadian yang turut diserahkan kepada SP4. Di dalam laporannya (P47) termasuk keterangan di mahkamah, kelongsong-kelongsong sepertimana P30, P36 dan P38 adalah dari pistol P29A. Manakala kelongsong-kelongsong peluru P13, P17, P18, P19 dan P35 adalah daripada senjata P31A. Selanjutnya ke kelongsong sepertimana P33a-c adalah dari senjata P32A.

[23] Laporan SP4 tersebut, apabila dibandingkan dengan rajah kasar yang disediakan oleh SP14 sebagaimana P10 dan P77 membuktikan bahawa tertuduh menggunakan senjata api P29A, P31A dan P32A untuk menembak pasukan polis dari dalam rumahnya serta menembak SP6 dan pasukan polis dari dalam bilik semasa di unit bawah.

A **[24]** Sementara itu, peluru-peluru hidup yang dirampas dari tertuduh turut dikemukakan kepada pakar senjata api iaitu SP12 yang turut mengemukakan laporan (P75) serta dipanggil memberi keterangan. Di dalam keterangan dan laporannya, telah disahkan bahawa kecuali tiga butir peluru FC 32 S&W (P74a-c), peluru-peluru lain boleh digunakan.

B

[25] Adalah dihujahkan bahawa keterangan-keterangan SP4 dan SP12 dapat membuktikan bahawa tertuduh telah menggunakan senjata-senjata tersebut di rumahnya dan juga di unit bawah. Di unit bawah kelongsong-kelongsong peluru tersebut dapat membuktikan penggunaan
C senjata api-senjata api dari dalam bilik yang dapat membuktikan tertuduh menembak SP6.

BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

D **[26]** Adalah menjadi beban ke atas pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan untuk membuktikan satu kes prima facie telah diasaskan terhadap OKT sepertimana yang diputuskan di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah di atas. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh
E mahkamah telah diasaskan dalam kes-kes:

(a) *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457.

(b) *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85.

F (c) *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65.

(d) *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215.

G **[27]** Bagi satu pertuduhan di bawah s 3 FIPA, intipati-intipati penting yang perlu diasaskan menurut kes *Sam Hong Choy v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 433; [2000] 1 CLJ 105 ialah:

(a) OKT telah melakukan kesalahan tersebut, iaitu menghalang tangkapan;

H (b) Pegawai polis termasuk SP6 punyai kuasa untuk melakukan tangkapan; dan

(c) OKT telah melepaskan tembakan dengan tujuan untuk menyebabkan kematian SP6.

I **[28]** Bagi satu pertuduhan di bawah s 307 KK pula, intipati-intipati yang perlu diasaskan ialah:

(a) Terdapat cubaan oleh OKT untuk membunuh SP6;

(b) lanya dilakukan oleh OKT;

(c) Perbuatan OKT tersebut dilakukan dengan niat untuk membunuh atau dengan niat untuk mendatangkan kecederaan sama ada:

(i) OKT tahu ia akan menyebabkan kematian; dan

(ii) secara lazimnya ia akan menyebabkan kematian.

[29] Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah jelas pada malam kejadian, pihak polis telah pergi ke Kondo Lata untuk menangkap OKT dan OKT telah melepaskan tembakan-tembakan ke arah anggota polis selepas pihak polis meminta OKT menyerah diri. OKT tidak menghiraukan rayuan pihak polis tersebut dan menembak ke arah anggota serbuan yang mencederakan SP6.

[30] Ini jelas menunjukkan OKT tahu akan kedatangan anggota polis yang mahu menangkapnya dan OKT enggan menyerah diri tetapi telah melepaskan banyak tembakan untuk mencederakan atau membunuh anggota polis tersebut.

[31] Perbuatan OKT turun daripada tingkat 14 ke tingkat 13 jelas menunjukkan OKT cuba mengelak daripada ditangkap dan masih lagi memegang senjata api. Daripada tembakan-tembakan yang dilepaskan oleh OKT kepada pihak polis jelas menunjukkan OKT memang berniat untuk mencederakan atau mendatangkan kematian kepada anggota polis tersebut terutamanya SP6.

[32] Jelas daripada tembakan yang dibuat oleh OKT, SP6 telah terkena dua das tembakan dan ini menunjukkan OKT punya niat untuk membunuh SP6. Daripada senjata api yang dirampas daripada OKT menunjukkan ianya boleh digunakan (serviceable) dan keterangan SP4 menunjukkan senjata api tersebut memang boleh digunakan.

[33] Daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, saya berpuas hati dan memutuskan elemen-elemen penting pertuduhan telah berjaya diasaskan oleh pihak pendakwaan dan wujud satu kes prima facie terhadap OKT bagi kedua-dua pertuduhan.

[34] OKT dengan ini dipanggil membela diri akan kedua-dua pertuduhan tersebut.

KES PEMBELAAN

[35] Bagi kes pembelaan, hanya OKT yang tampil untuk memberikan keterangan. OKT mengakui pada malam kejadian ia berada di tingkat 14, Kondo Sri Lata yang mana ianya adalah kondo kepunyaan kawannya, Phuah Kim Seng dan Tan Chin Heng. Bersama-sama OKT adalah anaknya, Alfred Chang Koh Yik (SP16) yang pada masa itu masih kanak-kanak.

[36] OKT menyatakan bekalan letrik tiba-tiba terputus dan ia mendengar ketukan di pintu hadapan kondo tersebut. OKT menyuruh SP15 untuk membuka pintu dan mencari kunci tersebut. OKT terdengar bunyi orang memotong gril pintu berkenaan.

[37] OKT menyatakan ia terdengar beberapa das tembakan dan OKT membuat keputusan untuk melarikan diri ke tingkat 13 kondo dengan memanjat keluar daripada tingkap bersama SP15. Selepas selamat turun ke tingkat 13, OKT menemui seorang perempuan (SP3) bersamanya anaknya. OKT meminta SP3 untuk menjaga anaknya. OKT kemudiannya membawa SP15 ke sebuah bilik di rumah perempuan tersebut.

[38] Semasa berada di dalam bilik tersebut, OKT terdengar bunyi letupan dan nampak asap. OKT tidak nampak apa-apa kerana bilik tersebut gelap. OKT menyatakan ada mendengar bunyi tembakan dan bunyi jeritan 'orang sendiri' dan tembakan terhenti. OKT kemudiannya mendengar suara seorang Cina yang memintanya menyerah diri. OKT kemudiannya mencampakkan senjata api sebanyak tiga laras pistol. OKT menafikan senjata api yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai senjata api kepunyaannya (P29A, P31A, P32A). OKT juga menafikan ia ada melepaskan tembakan pada malam kejadian.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[39] Mahkamah telah mendengar, menilai dan menimbangkan keseluruhan keterangan OKT dalam pembelaannya dan mendapati keterangan OKT adalah berasas dan konsisten. OKT menafikan ia ada melepaskan tembakan ke arah pasukan polis pada malam kejadian dan tiada mana-mana saksi pendakwaan nampak akan kejadian tembak menembak kerana keadaan bilik yang gelap. Juga pihak pendakwaan telah gagal memeriksa terdapat kesan *gun shot residue* pada pakaian OKT dan kesan-kesan *gun shot residue* yang diambil daripada tangan OKT adalah

negatif. Jika OKT benar-benar telah melepaskan tembakan daripada tiga pucuk senjata api pada malam kejadian, maka tentulah terdapat kesan-kesan *gunshot residue* pada pakaian dan tangan OKT.

[40] Oleh kerana ketiadaan *gun shot residue* pada pakaian atau tangan OKT, maka intipati pertuduhan pertama dan kedua iaitu melepaskan tembakan adalah diragui dan disangkal.

[41] Juga, SP4 menyatakan ujian ke atas P42, iaitu peluru yang dikatakan dikeluarkan daripada punggung SP6 tidak punya kesan-kesan halus yang mencukupi untuk dibuat perbandingan. Oleh itu, tiada apa-apa keterangan yang boleh mengaitkan peluru P42 kepada senjata api P29A, P31A dan P32A yang dikatakan dirampas daripada OKT pada malam kejadian.

[42] SP14 dalam keterangannya juga menyatakan telah merampas tiga pucuk senjata api daripada OKT, iaitu P29A, P31A dan P32A. Namun begitu, nombor siri P29A berlainan daripada catitan di D78 dan SP14 hanya mengesahkan pistol melalui sampul suratnya sahaja.

[43] Di dalam kes *Krishna v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 292, Mahkamah Agung menyatakan antara lain:

> It is most basic rules of justice that however heinous a crime a person is accused of, whatever rank of the person who testifies against him, he can only be convicted on evidence produced according to the stringent requirements of the law. It cannot be questioned that the offence of trafficking is a very serious one, the gravity of which is reflected in the sentence, in this case the sentence of death. But is does not mean that a person accused of one of the most serious crimes known to our law is not entitled to equal protection before the law and one of those items of protection to which he is entitled is that this guilt must be proved in accordance with or in a manner required by the law. Anything less will not be enough.

[44] Secara keseluruhannya, saya dapati dan putuskan keterangan pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan iaitu:

(a) ketiadaan *gun shot residue* pada pakaian OKT;

(b) ketiadaan *gun shot residue* pada tangan OKT; dan

(c) tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan peluru P42 yang dikeluarkan daripada tubuh SP6 datang daripada senjata api P29A, P31A dan P32A.

A **[45]** Oleh itu, OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan yang dikenakan.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan.

B

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

C

D

E

F

G

H

I